

## MISA MELAYU: SUATU GAMBARAN TENTANG SEJARAH PERAK

oleh

OTHMAN BIN ABU SAMAH

SEBELUM saya memperkatakan kandungan *Misa Melayu* ini dengan lebih lanjut, elok rasanya saya menerangkan serba sedikit tentang pengarang atau penulisnya. Buku ini dikarang oleh Raja Chulan. Beliau ialah anak saudara kepada Marhum Besar (*Aulia Allah*) dan saudara sepupu kepada Sultan Iskandar Dzulkarnain. Raja Ab. Hamid ayahanda Raja Chulan dan Raja Bisnu ayahanda Raja Iskandar, keduanya putera Raja Yang Di-Pertuan Muda Mansur Syah yang mangkat di Pulau Tiga.

Beliau adalah pengarang yang mula-mula menggubal sejarah yang terkandung di dalam *Misa Melayu* ini. Beliau telah dianugerahkan gelaran Raja Kecil Besar oleh Sultan Mudzafar Syah yang mangkat dalam tahun 1756. Dan pada masa keberangkatan Sultan Iskandar menyusur Sungai Perak sepanjang pantai sehingga ke Matang, beliau bersama-sama mengiringnya. Oleh kerana beliau pada zaman itu terkenal sebagai seorang pengarang dan pengubah shaer yang bijak, maka kepada beliaulah dititahkan oleh baginda untuk mengarang segala peristiwa yang berlaku sepanjang perangkatan baginda itu dengan bentuk shaer.

Penyaer yang ulung ini akhirnya menerima nasib yang amat menyedihkan kerana beliau ditikam mati oleh seorang suami yang menuntut bela. Dengan kematiannya itu terjadilah huruhara dalam negeri Perak sehingga keris tiga lok, iaitu senjata yang membunuh Raja Chulan itu terlarang di gunakan diseluruh negeri Perak. Beliau digelar Marhum Pulau Juar. Sesudah itu R.O. Winstedt membetulkan kenyataan ini dengan merujuk kepada khabar dari Raja Chulan ibni Sultan Abdullah Perak yang mengatakan kepadanya bahawa Raja Chulan pengarang *Misa Melayu* tidak terbunuh tetapi meninggal dunia secara biasa dimasa menjabat Raja Muda.<sup>1</sup>

*Misa Melayu* adalah sebuah buku Sejarah yang bernilai kerana salasilah raja-raja yang terdapat di dalamnya tersusun dengan lengkap dan teratur. Buku ini bermula dengan pemerintahan raja-raja sebelum Sultan Muzafer Shah. Sultan sultan Perak yang terdahulu daripada Sultan Mudzafar Shah ialah seramai tiga orang iaitu Al-Marhum Jalilulah, Marhum Besar dan Marhum Sulung. Dalam hikayat ini dapatlah diketahui dengan jelas nama-nama Sultan Perak dari Sultan yang kesepuluh sampai kepada Sultan Perak yang ketujuh belas, iaitu seramai lapan orang. Selain daripada baginda-baginda yang bertiga diatas ialah, Sultan Mudzafar Shah (III), Sultan Muhamad Shah, Sultan Iskandar Zulkarnain Shah, Sultan Mahmud Shah dan Sultan Alauddin Mansur Shah.

Salasilah raja-raja yang dibincangkan oleh Raja Chulan bermula dengan Sultan Mudzafar Shah dan diakhiri dengan Sultan Alauddin Shah. Bagi melihat susunanya yang jelas elok juga rasanya saya senaraikan nama-nama sultan yang memerintah Perak yang telah dicatetkan oleh Raja Chulan iaitu sebagai berikut:-

<sup>1</sup>Teuku Iskandar, *Raja Chulan Pengarang Misa Melayu*, DBP, Kuala Lumpur, Jun, 1965, h. 246.

|                               |                          |
|-------------------------------|--------------------------|
| Al-Marhum Jalilullah          | (1636-1653)              |
| Sultan Mahmud Iskandar Shah   | (1653-1720)              |
| Sultan Alauddin Mughayat Shah | (1720-1728)              |
| Sultan Muzaffar Shah (III)    | (1728-1736)              |
| Sultan Mahmud Shah            | (1742-1743)              |
| Sultan Iskandar Zulkarnain    | (1756-1770)              |
| Sultan Mahmud Shah            | (1770-1778)              |
| Sultan Alauddin Mansur Shah   | (1778-1785) <sup>2</sup> |

Bagi tiap-tiap pemerentahan seorang raja, Raja Chulan memberikan penjelasan yang begitu lengkap dan beliau sangat bijak memilih tajuk-tajuk yang boleh menarik hati pembaca-pembaca sekalian. Dalam pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, misalnya Raja Chulan menerangkan pelanggaran keatas Perak oleh Sultan Berkabat, lantikan Shariff Bakar sebagai Bendahara dan perkahwinan diantara Budak Rasul dengan Raja Iskandar. Dalam masa pemerintahan Sultan Mahmud, kita diberitahu tentang lawatan Sultan Selangor ke Perak dan pemindahan ibu negeri dari Indera Mulia ke Pasir Pulai.

*Misa Melayu* adalah merupakan penghasilan sezaman tentang masyarakat dan kebudayaannya. Ia merupakan catatan-catatan sejarah semasa yang lebih realistik daripada kebanyakan penulisan sejarah Melayu yang lain.<sup>3</sup> Sebagai penghasilan zamannya *Misa Melayu* mahu menunjukkan kebesaran negeri dan kerajaannya dengan menceritakan kesih-hesih kecerdikan raja-raja, kegagahan pahlawan-pahlawannya dan kesetiaan rakyat kepada rajanya. Sejarah pada masa ini merupakan suatu sastera lama, asal-usul keturunan atau salasilah atau peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku diwaktu lampau sebagai suatu kesah atau riwayat.<sup>4</sup>

Tujuan *Misa Melayu* dikarang adalah untuk menggambarkan kegemilangan kerajaan Perak, membentangkan salasilah dan pemerintahan kerajaan Perak, susunan pembesar-pembesar negeri, struktur masyarakat, ekonomi, adat istiadat, kepercayaan dan kesenian yang terdapat dalam kurun kelapan belas. Akan tetapi pada dasarnya dapatlah dibahagikan kepada tiga perkara yang penting iaitu politik, ekonomi dan sosial.

Sejarah bukan merekodkan apa yang dibuat oleh dewa-dewa tetapi apa yang manusia lakukan. Sejarah adalah rekod manusia, manusia yang membuat satu-satu keputusan dan manusia sendirilah yang menanggung akibat daripada tindakan-tindakannya. Sejarah bergerak di atas bidang manusia.<sup>5</sup> Jadi dari sini dapatlah kita mengetahui apa yang berlaku ke atas negeri Perak melalui Sultan-Sultan yang memerintahnya sebagaimana yang diterangkan oleh Raja Chulan dalam *Misa Melayu* ini.

*Misa Melayu* adalah sumber sejarah yang bernilai kerana darinya kita dapat mengetahui struktur politik kerajaan yang mempunyai istilah yang ber-

<sup>2</sup>Buyong Adil, *Sejarah Perak*, DBP, Kuala Lumpur, 1972 h. 20, 25, 31, 38, 39.

<sup>3</sup>Majallah Bahasa, PBMUM, Jilid IV, Bil. 1/1964/65 h. 203.

<sup>4</sup>Teuku Ibrahim Alfian, Pengertian Kata Sejarah, *Jebat*, 1972/73, h. 99.

<sup>5</sup>Scheville F. *Six Historians*, The University of Chicago Press, 1965, h. 194.

beza dengan istilah sekarang. Pada zaman Masa Melayu kerajaan itu adalah raja dan raja itu adalah kerajaan.<sup>6</sup> Jadi jenis kerajaan adalah kerajaan beraja mutlak. Kuasa politik, ekonomi dan undang-undang berpusat dalam tangan kelas pemerintah yang terletak di tangan Sultan, raja-raja dan pembesar-pembesar negeri. Raja lah lambang perpaduan rakyat dan ianya sangat dimuliakan oleh rakyat. Sultan sesebuah negeri itu dianugerahi 'Daulat' diisitiadat pertabalan. Oleh itu ia mempunyai kebesaran kuasa serta kedudukan yang paling istimewa yang diakui oleh seluruh rakyat.

Sultan sebagaimana pembesar-pembesar yang lain, berkuasa di dalam daerahnya sendiri iaitu berkuasa penuh dalam kawasan daerah istananya sahaja. Kuasa-kuasa yang sebenar terletak di tangan ketua-ketua yang menjalankan pemerintahan daerah-daerah mereka. Dengan lain perkataan akibat pembahagian kuasa diantara Raja dengan pembesar itu ujudnya 'Otonomi Kawasan' (Regional Autonomy).<sup>7</sup> Namun begitu pada waktu-waktu tertentu raja itu akan menerima persembahan daripada pembesar-pembesarnya. Misalnya kalau baginda melakukan lawatan ke kawasan pembesar-pembesar yang dilantiknya. Contohnya semasa Sultan Iskandar melawat Sayong dan Bukit Gantang, pembesar-pembesar di daerah tersebut iaitu Seri Maharaja Lela dan Panglima Larut membawa persembahan kepada raja. Juga semasa Sultan Muzaffar hendak mengahwinkan anakanda baginda itu, "Orang besar dan rakyat jelata datang mengadap mempersembahkan kerbau, lembu, kambing, ayam, itek, timah dan rial tunai, kerana hendak mengahwinkan anakanda baginda. Hal itu menggembirakan sekalian isi negeri sehingga para pedagang pun datang membawa persembahan ke bawah duli Yang Maha Mulia Baginda . . ."<sup>8</sup>

Sultan juga berkuasa memberi gelaran kepada orang besar-besar dan rakyat dan berkuasa memecat jawatan orang yang telah diberi gelaran. Misalnya Sultan Iskandar Zulkarnain telah memecat jawatan beberapa orang penghulu dan hulu-balang yang tiada menghaziri upacara perkebumian Sultan Muzafar Shah yang digambarkan sebagai berikut.

"Didapati barang siapa tiada mengadap pada masa almarhum mangkat itu, kemudian sampai sudah almarhum dikebumikan maka baharulah datang, jika, hulubalang dipechat dan diikat dan dijemur. Maka banyaklah hulubalang rakyat dipechat dan diikat dan dijemur, maka dimurkai, kemudian dikurniai pula oleh baginda gelaran serta diperbaiki hatinya."<sup>9</sup>

Selain dari itu Sultan dianggap suci dan rakyat dilarang menggunakan pakaian yang berwarna kuning. Menjadi kepercayaan bahawa seseorang Melayu yang melanggar daulat Sultan akan menderita pembalasan dari kuasa ghaib kemurkaan raja yang dimuliakan itu.<sup>10</sup> Jelas di sini membuktikan bahawa Sultan adalah seorang yang berpengaruh.

Di bawah Sultan terdapat jawatan Raja Muda sebagai Orang Besar Empat dan jawatan-jawatan kecil yang dianggotai oleh keturunan diraja dan mempunyai persaudaraan yang rapat dengan Sultan. Di Perak jawatan pembesar itu ialah

<sup>6</sup>Bahasa, op.cit. h. 82.

<sup>7</sup>Dewan Bahasa, Jun 1967.

<sup>8</sup>Raja Chulan, *Masa Melayu*, Pustaka Antara, K. Lumpur, 1966, h. 45.

<sup>9</sup>Ibid. h. 54.

<sup>10</sup>J. M. Gollick, *Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat*, DBP, 1970, h. 72.

pembesar lapan yang terdiri dari Maharaja Lela Laksamana, Sri Andika Raja, Syah Bandar, Panglima Kinta, Panglima Bukit Gantang, Seri Akar Di Raja, dan Imam Paduka Tuan iaitu jawatan dari segi ugama. Terdapat juga pembesar-pembesar enam belas dan tiga puluh dua.

Sultan Iskandar adalah seorang Raja yang berpengaruh. Baginda telah dapat menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku diantara ayahandanya (Sultan Muhammad) dan Sultan Muzaffar, kedua-duanya berkerajaan di Kuala Kangsar dan Brahman Indera. Pendek kata keagungan baginda jelas diperlihatkan oleh Misa Melayu ialah "Raja Iskandar yang diturut segala orang besar-besar dan inilah ikutan segala anak raja-raja yang di dalam negeri Perak, dan inilah yang dikasehi dan yang ditakuti oleh segala hulubalang rakyat sekalian... maka beberapa kali didatangi oleh segala bahaya, musuh dan seteru, maka berkat tuah istimwa pula dengan daulat baginda dan baik akal bicharanya tiadalah diberi Allah Ta'ala sampai kepadanya segala mara bahaya itu, adanya".<sup>11</sup>

Sekarang elok rasanya saya masuk pula ke dalam lapangan sosial. Masyarakat Melayu tradisional yang tergambar dalam *Misa Melayu* menggambarkan masyarakat Melayu sejak kekuasaan Melayu Melaka hingga kesampaian pengaruh Inggeris ke negeri-negeri Melayu pada akhir kurun ke 19. Selepas kedatangan pengaruh Inggeris malah sehingga hari ini masyarakat Melayu masih bercorak masyarakat beraja dan maseh menerima 'corak feudal' akan tetapi sudah moden — sudah mengalami proses modenisasi.<sup>12</sup>

Walaupun masyarakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu gulungan memerintah dan gulungan yang diperintah tetapi kita dapat ada perhubungan yang rapat antara rakyat dengan raja ketika diadakan beberapa istiadat, seperti adat berjaga-jaga, adat bertindik telinga, adat menuba dan bermain-main disungai, adat pertabalan, adat melenggang perut dan lain-lain.<sup>13</sup> Adat raja-raja yang sangat banyak didapati dalam *Misa Melayu*, misalnya adat memakamkan Sultan Muhammad, oleh Misa Melayu digambarkan begini: "lalu diarak dengan sepetri adatnya lalu kemakam dan beberapa sedekah akan segala alim ulamak dan fakir miskin sepanjang jalan itu emas dan perak dihamburkan dengan selengkap alatnya dan beberapa pula sedekah akan orang yang sembahyang terlalu banyaknya".<sup>14</sup>

Corak masyarakatnya terdiri dari berbilang bangsa. Ada orang Rawa, Minangkabau, Arab, India dan Cina tinggal disepanjang Sungai Perak terutama sekali di Bandar Chempaka Sari. Sekalian masyarakatnya berbilang bangsa tetapi keharmonian ujud juga. Di dalam masa keramaian hampir semua bangsa mengambil bahagian. Misalnya ketika diadakan 'adat melenggang perut'. "Maka habislah seisi negeri ini berhimpun di Pulau Indera Sakti... Ada pun pada masa itu orang Holanda dan Orang China dan orang Keling pun semuanya datang mempersembahkan segala permainannya berbagai rupanya dan lakunya. Maka terlalu ramai orang yang melihat segala permainan itu penuh sesak didalam kota dan segala lorong dan pekan, bandar pun penuhlah dan balai penghadapan itu pun tiada termuat lagi daripada kebanyakan rakyat Duli Yang Maha Baginda itu."<sup>15</sup>

<sup>11</sup> *Misa Melayu*, op.cit. h. 23.

<sup>12</sup> Ismail Ahmad, *Ulasan dan Kajian Misa Melayu*, Abbas Bandong, Melaka, 1966, h. 2.

<sup>13</sup> Sanusi Samid, *Misa Melayu dan Nilai Sejarahnya*, DBP, Jun, 1967, h. 260.

<sup>14</sup> *Misa Melayu*, op.cit. h. 32-33.

<sup>15</sup> Ibid., h. 85.

Adat berjaga-jaga semasa 'melenggang perut' ini memakan masa selama empat puluh empat hari.

Ditinjau dari sudut ekonomi, *Misa Melayu* menerangkan pula aktiviti-aktiviti ekonomi penduduk negeri Perak. Wujudnya penerangan-penerangan ekonomi itu dapatlah kita mengambil tindakan balas untuk menentang pendapat kebanyakan orang-orang Barat yang membuat tuduhan bahawa buku-buku Sejarah Melayu sangat miskin dengan penerangan tentang ekonomi. Dari *Misa Melayu* kita mendapat tahu bahawa perdangangan adalah aktiviti ekonomi yang terpenting di Perak iaitu perdagangan bijih dan gajah. Dalam kedua-dua bidang itu raja dan pembesar sama-sama mengeburkan diri. Rakyat jelata bangsa Melayu pun turut bermiaga, disamping saudagar Cina, Sumatra dan Keling yang tinggal di sepanjang sungai Perak.

Orang-orang Belanda kebanyakannya tinggal di Pengkalan Halban. Di sana lah mereka membuat gedung serta kota yang mengelilingi gedungnya. Setelah itu maka tiada orang yang boleh membawa timah belayar lagi, sekaliannya diberikan kepada Hallanda itu, melainkan rial yang dibawa ke sana dan ke mari.<sup>16</sup> Orang-orang India pula bermiaga gajah; misalnya Fakir Suib. Apabila beliau datang ke Perak, beliau telah membeli gajah daripada sultan. Tiada hairanlah kepada kita bahawa stabiliti politik dan perdangangan yang '*flourishing*' itu telah menjadikan Perak sebuah negeri makmur, lengkap dengan pekan dan bandarnya. Kedai-kedai di sana berkeliling kota tempat segala orang-orang bermiaga jual beli tukar-menukar daripada segala serba jenisnya<sup>17</sup> di 'Bandar Makmor' dekat Pulau Indera Sakti. *Misa Melayu* menekankan juga tentang perhubungan perdagangan dan diplomatik Perak dengan Belanda, Selangor dan Kedah.

Jadi dengan faktor-faktor besar yang telah diceritakan di atas dapatlah dikatakan bahawa *Misa Melayu* menggambarkan sejarah Perak dengan sebenarnya. Selain daripada itu marilah kita lihat lain-lain bidang lagi, umpamanya dari segi undang-undang. Di dalam *Misa Melayu* ada digambarkan tentang perjalanan masyarakat Melayu Lama, pandangan mengenai kasta-kasta dalam masyarakat dan lain-lain. Perundangan dan hukuman yang dibuat di Perak ialah bersabit dengan kesalahan-kesalahan. Hukuman yang dikenakan berbeda mengikut kelas masyarakat. Hukuman akan bertambah berat kalau kesalahan itu dilakukan oleh orang-orang yang lebih tinggi dan besar pangkatnya. Contoh tentang ketentuan hukuman bunuh terhadap sepuluh macam pelanggaran ialah membunuh, menikam, memukul, mencuri, merompak, menuduh, mendustakan hakim, mengkhianati dan melawan titah raja.<sup>18</sup> Terdapat juga hukuman ke atas orang-orang yang melanggar pantang larang diraja seperti memakai pakaian kekuningan dan alat perhiasan. Di dalam menjatuhkan hukuman atas kesalahan adat dan undang-undang ini lebih bertujuan untuk menakutkan daripada membaiki keadaan masyarakat.

Dengan demikian adat dan undang-undang ini juga memperlihatkan kekuatan pembesar-pembesar Melayu untuk menghukum dengan hukuman yang berat ke atas orang-orang yang cuba menderhaka atau melawan mereka, juga merupakan sebagai alat mempertahankan kepentingan dan kekuatan mereka.

<sup>16</sup>Ibid, h. 29

<sup>17</sup>Ibid, h. 92

<sup>18</sup>Ronkel S. Van, *Risalah Hockoen Kanoen, Jaitoe Oendang-Oendang Melaka*, Leiden, 1919, h. 4 & 5.

Satu lagi faktor penting yang dapat dilihat mengenai unsur-unsur sejarah yang terkandong dalam *Misa Melayu* ialah dengan melihat isinya yang bersetujuan dengan catitan-catitan Belanda dan Inggeris. Dalam *Misa Melayu* diceritakan bahawa Pegawai-Pegawai Kompeni Belanda datang ke Sungai Perak membeli timah dan membangunkan loji di Pengkalan Halban Tanjung Putus. Kedatangan Belanda pada kali pertama itu berlaku dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (III). Mengikut *Misa Melayu* timah yang dibeli oleh orang-orang Belanda berharga tiga puluh rial bagi tiap-tiap satu bahara dan cukainya kepada Sultan Perak ialah dua rial. Mengikut sumber Belanda pula harga tiap-tiap satu bahara timah ialah  $31\frac{1}{4}$  ringgit Sepanyol. Ada pun orang-orang Belanda itu diketuai oleh Veerbrugge. Haruslah beliau ini yang dikenal juga sebagai R.E.F. Lybroke seperti yang tersebut dalam *Misa Melayu*.

Kali kedua orang-orang Belanda datang ke Perak ialah pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain baharu mulai membangunkan kota di Pulau Chempaka Sari. Mengikut *Misa Melayu* kedatangan orang-orang Belanda ini adalah berhubung dengan surat fitnah yang dibuat oleh Pir Muhamad, scorang orang India yang jadi jurutulis orang-orang Belanda di Tanjung Putus. Ketua angkatannya ialah Lybroke (disebut Veerbrugge dalam catitan-catitan Belanda). Sultan telah menjualkan timah sebanyak 500 bahara. Orang-orang Belanda yang datang itu telah membuat surat perjanjian dengan Perak yang ditandatangani oleh Raja Kimas. Mengikut catitan Belanda, mereka datang ke Perak dalam bulan Oktober 1765; iaitu pada masa Gabenor Jeneral Belanda Petrus Van Der Parra dan surat perjanjian itu ditandatangani oleh Veerbrugge dan Sultan Muhammad, serta orang besar-besar Perak, mewakili Sultan Iskandar, bertarikh 17hb. Oktober 1765. Baginda adalah adinda kepada Sultan Iskandar.<sup>19</sup>

Orang-orang Belanda datang ke negeri Perak pada kali ketiganya selepas Sultan Iskandar sembah daripada gering. Orang-orang Belanda diketuai oleh Lybroke. Mereka mengadap Sultan Perak di kota Lumut. Pada masa itu timbul persengketaan diantara Belanda dengan Datuk Syahbandar kerana beliau dibedil oleh orang Belanda, mujur tiada mengenai dirinya. Kesah orang-orang Belanda ke Perak ini ada disebutkan dalam *Sejarah Orang-orang Belanda* dan menyebutkan juga komisaris Belanda itu namanya Ary Veerbrugge.<sup>20</sup>

Adat istiadat juga memainkan peranan penting dalam buku *Misa Melayu* ini. Kebanyakan dari adat istiadat itu khusus untuk raja-raja sahaja. Antara adat-adat itu ialah aturan yang telah turun temurun di Perak iaitu giliran orang-orang yang akan dijadikan Sultan mengikut giliran tertentu. Di sini Raja adalah bakal menjadi Sultan. Selain dari itu terdapatnya adat mengerah rakyat apabila ada sesuatu kerja yang hendak dibuat oleh sultan, adat meminang, berkahwin, bertindek, adat pertabatan, adat bergelar, adat menjunjung duli, adat perangkatan perahu Sultan dan lain-lain lagi.

Dalam *Misa Melayu* ada disebutkan nama-nama jenis-jenis permainan dan perkakas bunyi-bunyian Melayu yang menunjukkan kebesaran pada raja dan keadaan kesenian dan kebudayaan dalam lingkungan istana pada zaman itu. Antara alat-alat muzik itu ialah gendang, nobat, scrunai, scruling, dan terumpit. Dalam

<sup>19</sup> Samusi Samid, op.cit. h. 262.

<sup>20</sup> Buyong Adil, Kajian Hikayat Misa Melayu, Ceramah anjuran Perwanit 2.10.65.

istiadat pertabalan penganugerahan gelaran, didapati beberapa lencana jawatan, jam atau kayu gamit kemala surat ciri, cap kalilintar, ubur-ubur, bantal, langser dan lain-lain semuanya ini dapat dilihat dalam upacara-upacara yang dijalankan.<sup>21</sup> Nama lagu-lagu nobat Kerajaan Perak sebagai menandakan kebesaran kerajaan itu ialah lagu Gendang Berangkat, Rama-Rama Terbang Tinggi, Kubong Si Kumali, Arak-arakan Panjang, dang Gidang dan Puter Nadi Mayap.<sup>22</sup>

*Misa Melayu* telah menggambarkan kesenian Perak dengan sebenarnya kerana semua alat-alat dan perkakas bunyian yang tersebut di atas tadi masih ada lagi digunakan oleh Sultan Perak sehingga hari ini. Selain daripada itu kita dapat pula nama-nama tempat yang disebutkan dalam *Misa Melayu* masih kekal sehingga hari ini, seperti Pulau Tiga, Sungai Kinta, Sayong, Kuala Kangsar, Kuala Bidor Sungai Budiman, Bukit Gantang, Padang Asam dan Pulau Pangkor. Pulau Indera Sakti terletak dekat bandar ditepi Sungai Perak. Brahman ialah Bota Kanan sekarang ini. Tanjung Putus letaknya dekat bandar Teluk Anson.

Disamping itu jika kita kaji bahan-bahan sejarah berkaitan dengan kesultanan Perak seperti yang diterangkan oleh *Misa Melayu*, kita akan dapat makam-makam Sultan masih ada lagi, contohnya Makam Marhum Jalilullah terletak di Ayer Mati Lama, Lambor Kanan. Makam Sultan Muhamad Shah pula terletak di Geranggong, Mukim Pulau Tiga. Manakala Makam Sultan Muzaffar Shah (III) terletak di Bota Kanan. Tidak ketinggalan juga kita akan dapat bahawa Makam Sultan Iskandar terletak di Pulau Indera Sakti. Dan akhirnya makam-makam Sultan Muhamad dan Sultan Mahmud terletak di Telok Mamali.

Dengan terbentangnya faktor-faktor yang tersebut di atas maka bolehlah kita katakan bahawa *Misa Melayu* telah menggambarkan sejarah Perak dengan terang dan jelas. Gambaran ini bertepatan dengan pengertian kata sejarah yang merupakan "information about social organisation" yang merangkumi seluruh kegiatan manusia.<sup>23</sup>

Sesungguhnya *Misa Melayu* tiada mengandungi unsur-unsur methos dan dongeng seperti yang terdapat dalam buku *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Benar dalam *Misa Melayu* terdapat seorang tokoh yang memang terkenal dalam sejarah iaitu Raja Iskandar Zulkarnain tetapi secara umumnya tidak ada dongeng-dongeng seperti terjumpanya seorang putera atau puteri yang baik parasnya dari dalam buluh betong, atau mayang pinang atau dalam buch. Tidak ada juga sifat perdongengan mencari dan memilih tempat kerana adanya unsur-unsur magis seperti binatang-binatang yang luar biasa, pelanduk yang berani atau singa atau semut sebesar kuching atau sebagainya. Jika tidak adanya cerita-cerita seperti 'Badang', 'Singapura di langgar Todak', atau 'Raja Suran masuk kelaut'.

Selepas kita membaca buku *Misa Melayu* itu kita dapat banyak unsur-unsur sejarah yang terdapat di dalamnya dapat memenuhi pengertian sejarah yang diberi oleh A.L. Rowse yang mengandungi siri-siri humanistik, nasional dan self-revelatory,<sup>24</sup> seperti yang diutarakan oleh Collingwood. Kebenaran fakta-fakta yang

<sup>21</sup> Buyong Adil, *Panduan Mempelajari Hikayat Misa Melayu*, Pustaka Melayu Singapura, 1966, h. 18.

<sup>22</sup> Ibid., h. 18.

<sup>23</sup> Ibn Khaldun, *The Muqaddimah*, Princeton University Press, 1967, h. 71.

<sup>24</sup> Collingwood, R.W. *The Idea of History*, Oxford University Press, London, 1966, h. 18.

terdapat dalam Misa Melayu dapat dibuktikan berdasarkan buku-buku sejarah yang lain seperti buku '*History of Perak*' oleh R.O. Winstedt, buku '*Sejarah Perak*' oleh Buyong Adil, buku *Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat* oleh J.M. Gullick dan lain-lain buku lagi.

Disamping memaparkan unsur-unsur sejarah yang real, Raja Chulan (dalam Misa Melayunya) kurang sangat menitik beratkan tentang tarikh-tarikh berkenaan satu-satu peristiwa yang berlaku. Hanya satu tarikh sahaja yang dicatatkan oleh pengarangnya; iaitu dari penggunaan tarikh, Misa Melayu tidaklah sebaik *Tuhfat ul-Nafis*. Raja Chulan sepatutnya memberatkan guna tarikh-tarikh ini, terutama apabila difikirkan bahawa beliau adalah semasa dengan peristiwa-peristiwa yang dicatatnya, seperti keberangkatan Sultan Perak menyusur Sungai Perak sebagaimana yang digambarkan dalam 'syair' Misa Melayu itu.

Kekurangan tarikh-tarikh ini hanya dapat diatasi dengan menyemak sumber-sumber Belanda dan Bugis.

Rasa saya, kalaular ikatan syair yang mengandungi sebanyak 478 rangkap itu disertai dengan tarikh-tarikh sekali, sudah tentu Misa Melayu ini akan dapat dianggap sebagai bukan sahaja mengandungi unsur-unsur sejarah malahan sebagai unsur-unsur sastra yang tinggi mutunya.

Sebagaimana biasa tiap-tiap sebuah hasil karya itu tentu sahaja ada mempunyai kebaikan dan kelemahan. Disamping kebaikan yang telah saya terangkan di atas ada juga kelemahan atau kesilapan yang dilakukan oleh Raja Chulan dalam mengarang *Misa Melayu* ini. Pada pendapat saya pengarang telah menceritakan sesuatu peristiwa itu terlampau detail. Ini kadangkala membuat pembaca naik jemu dan bosan terhadap satu-satu perkara itu. Contohnya satu peristiwa semasa Sultan Iskandar berangkat untuk menunaikan ssmbahyang Hari Raya Haji iaitu sepuluh haribulan *Zul-Hijjah*.<sup>25</sup>

Disamping itu Raja Chulan mengarang buku Misa Melayu ini hanya berdasarkan perkara-perkara yang berlaku dalam pemerintahan Sultan-Sultan, tentulah tiada banyak buku-buku atau sumber-sumber lain yang menjadi bahan bacaan itu. Ini berlainan dengan Raja Ali Haji yang mengarang buku *Tuhfat ul-Nafis* yang banyak memetek daripada sumber-sumber yang lain.

Dalam *Misa Melayu* ada terdapat unsur bahawa apabila seseorang raja itu hampir mangkat, maka baginda akan berwasiat. Sebenarnya wasiat itu adalah sifat historiografi Melayu. Dalam *Misa Melayu* misalnya ketika Sultan Muzaffar Shah akan mangkat baginda ada bertitah. "Ada pun pada perasaan beta, akan dunia lepaslah daripada dalam genggaman beta, demikianlah akhirnya telah yang beta harap sekarang baiklah anak kita, Raja Mudalah akan ganti kita. Maka hendaklah bichara orang besar-besar dan segala hulubalang pegawai pada memerintahkan takhta kerajaan anak kita dan menyelenggarakan hukuman negeri ini dan membela segala rakyat di dalam negeri Perak ini."<sup>26</sup> Sesungguhnya wasiat demikian menggambarkan kepada kita bahawa Raja-Raja Melayu tidak lalai daripada tugas-tugas mereka; tidaklah hanya asyek dengan perempuan dan candu seperti yang selalu disebut oleh ahli-ahli sejarah Inggeris.

<sup>25</sup> Misa Melayu op.cit., h. 75.

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 51.

Buat kesimpulannya, oleh kerana karya *Misa Melayu* ini telah menepati setiap definisi sejarah dengan keempat-empat kriteria yang diberikan iaitu yang bersifat saintifik, humanitis, rasional dan self-revealtory, dapatlah kita katakan bahawa *Misa Melayu* merupakan karya sejarah yang menggambarkan sejarah Perak yang sebenarnya. Kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwanya tercatit dengan elas, teratur dan terang. Syair dan perkataan-perkataan lama digunakan menujukkan keaslian bahan dan sumber sejarah tersebut.